



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 23 / 2025

PERMOHONAN UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan mengenai **urusan permohonan undi pos** dalam dan luar negara bagi PRU Dewan Undangan Sabah Ke-17.
2. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A** (Anggota Polis, Anggota Tentera, Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, dan Petugas Media), **Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara), dan **Kategori 1C** (Agensi/Organisasi) akan dibuka mulai **Isnin, 13 Oktober 2025**. Semua permohonan undi pos hendaklah dibuat **secara dalam talian (online)** di pautan <https://myspr.spr.gov.my>. Pemilih yang layak dan berhasrat untuk mengundi secara pos hendaklah mendaftar atau mempunyai akaun MySPR sebelum membuat permohonan undi pos.

3. **Tarikh tutup permohonan undi pos bagi semua kategori akan dimaklumkan kelak.** Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi talian **03-8892 7080** atau **03-8892 7218**.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

10 Oktober 2025 / 18 Rabiulakhir 1447H